

14/04/2001

UIAM gabung ilmu agama, keduniaan

PEMBUKAAN rasmi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Selasa depan, cukup bersejarah bukan saja kepada pengasas, pihak pentadbiran dan kakitangan serta pelajar, malah masyarakat Islam seluruhnya.

Ini kerana selain menjadi satu-satunya universiti bertaraf antarabangsa di negara ini, UIAM menawarkan kursus yang menggabungkan ilmu agama dan tuntutan keduniaan.

Perasmian UIAM di kampus Gombak, Selangor akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sempena hari bersejarah itu, beberapa pelajar memberi pandangan mereka mengenai UIAM.